

**TEKS UCAPAN**

**Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM**

**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**MAJLIS PENYERAHAN KUNCI FKP**

*10 Februari 2020, FKP, 9.30 pagi*

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Bismillahir Rahmanirrahim, Assalaamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh, Salam Sejahtera.

**Yang Berbahagia Profesor Madya Mohd Rahimi bin Yusoff**  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan  
Fasiliti)

**Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Zamberi bin Jamaludin**

Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

**Yang Berusaha En. Mohd Ridza bin Ahmad**

Pengarah Urusan , Muar Usaha Bakti Sdn. Bhd.

Staf Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Staf Pejabat  
Pembangunan, tuan-tuan puan-puan, hadirin hadirat yang  
dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk berhimpun pada pagi ini, bersempena Majlis Penyerahan Kunci Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.
2. Saya amat yakin, hari ini merupakan hari yang begitu bersejarah, hari yang amat dinanti-nantikan oleh semua warga FKP, setelah sekian lama menantikan bangunan fakulti sendiri. Segala penantian tuan-tuan dan puan-puan selama ini berakhir, apabila hari ini kita bakal menyaksikan

secara rasminya, penyerahan kunci bangunan FKP yang telahpun siap sepenuhnya.

3. Alhamdulillah, dengan terbinanya bangunan FKP ini, pelbagai fasiliti disediakan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar di samping ruang-ruang kondusif yang semestinya memberi keselesaan kepada semua warga fakulti.

4. Bangunan baru FKP mula dibina mulai 23 Oktober 2017 dan akhirnya siap pada 8 Februari 2020 dengan kos pembinaan sebanyak RM 55,586,930.00.
5. Memandangkan bangunan ini serba baru, di samping kelengkapan bilik kuliah dan ruang pejabat yang serba lengkap, saya mengharapkan agar warga FKP dapat menjaga dan memelihara segala kemudahan yang diberikan ini dengan sebaik-baiknya. Diharapkan juga, agat tuan-tuan dan puan-puan teruskan usaha dan memberikan sumbangan

yang terbaik kepada FKP, demi kecemerlangan dan kegemilangan UTeM yang kita sayangi.

Bunga Seroja menjadi dambaan,  
Indah terhias, menyeri pandangan,  
FKP tersergam, lambang kebanggaan,  
Mendukung UTeM memacu kegemilangan.

Sekian, terima kasih.